

Headline	Penjawat awam diharap buka minda realisasi aspirasi negara		
MediaTitle	Utusan Sarawak	Language	Malay
Date	05 Jun 2013	Readership	113,943
Circulation	37,981	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	ArticleSize	319 cm ²
Page No	5	PR Value	RM 3,571
AdValue	RM 1,190		



Penjawat awam diharap buka minda realisasi aspirasi negara

MARLINDA MARDZUKI

KUCHING, Selasa — Program Seminar Pengurusan Organisasi Cemerlang Merealisasikan Aspirasi Negara anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) diharap dapat membuka minda penjawat awam dalam merealisasikan aspirasi negara.

Tinjauan Utusan Sarawak hari ini mendapati peserta yang ditemui menyambut baik dasar kerajaan dalam mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Seorang peserta, Junaidah Jamni, 40, menyifatkan program itu mampu menjadi landasan untuk penjawat awam menambahbaik sistem pengurusan sedia ada kepada sistem organisasi yang lebih cekap dan dinamik.

Menurutnya, pembangunan yang dikehendaki pada masa kini harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh penjawat awam apatah lagi berhadapan dalam era globalisasi yang kian mencabar.

“Untuk itu, kita (penjawat awam) perlu melakukan sesuatu pembaharuan dengan menambahbaik sistem pengurusan kerja yang lebih cekap dan berintegriti agar masyarakat turut dapat bersama menikmati hasil kejayaan yang diperolehi pada masa hadapan,” katanya.

Justeru, selari dengan matlamat untuk merealisasikan aspirasi negara, ujar Junaidah, adalah

menjadi kewajaran untuk penjawat awam melakukan pengurusan secara teratur dalam apa jua

tugas yang diamanahkan.

“Kalau tidak, segala pembangunan yang dikehendaki oleh sesebuah organisasi itu akan menjadi usaha yang sia-sia sahaja,” katanya yang bekerja sebagai Penolong Pengarah Kanan (Tanah) dari Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Sementara itu, Zurina Abdul Ghani, 41, berkata, program itu dilihat dapat menyuntik semangat baru dalam melahirkan kakitangan kerajaan yang berkebolehan dan berkualiti.

“Untuk menjadi sebuah organisasi yang cemerlang, kita perlu memiliki pemimpin yang cemerlang dalam usaha menggalakkan pembangunan modal insan bagi merealisasikan wawasan menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

“Misalnya, saya yang memegang jawatan Penolong Pengarah Kanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan sentiasa memastikan semua kakitangan di bawah jagaan saya, melaksanakan tugas mereka dengan penuh berdedikasi dan amanah,” ujarnya.

Dengan usaha sebegini, katanya, matlamat untuk membangunkan organisasi sehingga membawa Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi akan mudah dicapai hasil daripada komitmen dan kerjasama daripada pihak atas dan bawahan.

Dalam pada itu, Zurina mendaangkan supaya UUM memperluaskan lagi program tersebut dalam

kalangan pelajar mahasiswa dan mahasiswi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

“Ini kerana golongan tersebut merupakan generasi pelapis yang akan memajukan rakyat dan negara,” katanya.

Manakala seorang peserta dari Universiti Malaysia Pahang, Rizalman Mamat, 36, memberitahu program anjuran UUM sangat bermanfaat untuk penjawat awam mempertajamkan kemahiran pengurusan mereka.

“Saya harap segala pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh daripada program ini akan dapat digunakan dalam organisasinya.

“Lebih-lebih saya yang terlibat dalam hal pengurusan akademik pelajar, maka untuk menggunakan segala pengetahuan yang diperolehi kepada pelajar adalah sangat bertepatan dalam membantu mereka menjadi masyarakat berguna untuk negara,” ujarnya.

Melalui pendedahan sedemikian, katanya, ia sekali gus bang akan menyumbang ke arah impian Malaysia dalam mencapai sebuah negara yang mempunyai pendapatan tinggi,” katanya.

Terdahulu, seramai 142 peserta dari seluruh negeri Malaysia mengikuti program Seminar Pengurusan Organisasi Cemerlang Merealisasikan Aspirasi Negara yang berlangsung selama tiga hari mulai 4 hingga 6 Jun 2013 di Hotel Pullman, dekat sini.



ZURINA ABDUL GHANI



RIZALMAN MAMAT



JUNAIDAH JAMNI